

Keretakan MIC tidak wujud — Samy Vellu

KUALA LUMPUR, Khamis — Presiden MIC Datuk S. Samy Vellu berkata hari ini bahawa masalah keretakan atau pergeseran dalam parti tidak wujud.

Bellau berkata, perselisihan juga tidak timbul antara bellau dengan rakan-rakannya.

Datuk Samy Vellu berkata demikian ketika mengulas laporan akhbar baru-baru ini yang menyebut adanya perselisihan dalam parti.

Katanya, laporan itu timbul dari ucapannya di Mesyuarat Jawatankuasa Muhibbah di Ladang Bukit Raja, Ahad lalu.

Apa yang dimaksudkan bellau mengharapkan kesetiaan sepenuhnya dari rakan-rakannya dan masanya telah tiba bagi mereka untuk bekerja dengannya bagi mencapai matlamat parti, tambah bellau.

Datuk Samy Vellu berkata zaman bagi mereka membuang masa dan tenaga dengan pertelingkahan telah berlalu dan setiap anggota dan pegawai parti mempunyai matlamat yang perlu dipenuhi.

Datuk Samy Vellu berkata ucapannya sengaja diseleweng dan diperbesar oleh pihak-pihak tertentu yang tidak dapat menerima persaudaraan yang terdapat dalam MIC sekarang.

Katanya, pihak itu sengaja mahu timbulkan masalah sedangkan be-

llau mahukan rakan-rakannya memahami unsur-unsur jahat yang mahu menghancurkan parti.

Timbalan dan naib presiden parti Encik S. Subramaniam dan Datuk K. Pathmanaban yang telah menemui Datuk Samy Vellu dalam kenyataan bersama berkata mereka menyedari bahawa presiden parti itu hanya meminta mereka bersama mematahkan usaha golongan yang hendak melemahkan kepimpinan dan imej parti.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia